



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 10 JUN 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	MAHA 2024 MEDAN PERKONGSIAN TEKNOLOGI PERTANIAN PERINGKAT GLOBAL, SASAR TIGA JUTA PENGUNJUNG, UTUSAN BORNEO -ONLINE MAHA 2024: MEDAN PERKONGSIAN TEKNOLOGI PERTANIAN, SASAR TIGA JUTA PENGUNJUNG, SH -ONLINE MAHA 2024: GLOBAL AGROCULTURAL TECHNOLOGY SHARING PLATFORM, TARGETS THREE MILLION VISITORS, NST -ONLINE MAHA 2024 SASAR 3 JUTA PENGUNJUNG, NASIONAL, SH -12 PENDAFTARAN BUDI INDIVIDU, AGRI-KOMODITI CECAH 60,000, NASIONAL, SH -12 MAHA EXHIBITION 2024 TARGETS THREE MILLION VISITORS, NATONAL, THE SUN -4 UPM LAUNCHES FOOD SECURITY BLUEPRINT, NEWS, NST -7 CADANGAN HARGA BERAS 10kg DINAIKKAN KEPADA RM28.50, NASIONAL, BH -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
9. 10. 11.	BERIBU IKAN BANDARAYA DITANGKAP DALAM MASA 3 JAM, BANGI, SH -27 IKAN BANDARAYA BOLEH DIJADIKAN PALET MAKANAN, NASIONAL, BH -16 MOVE TO KEEP INVASIVE FISH AT BAY, NEWS, THE STAR -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	MUZIUM PADI SEKINCHAN GAMIT NOSTALGIA, NASIONAL, SH -18	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAHA 2024 medan perkongsian teknologi pertanian peringkat global, sasar tiga juta pengunjung



Lokman Hakim (tiga, kanan) beramah mesra bersama orang ramai ketika happy hour yang berlangsung pada Sambutan Karnival Setahun Jualan Agro MADANI sempena Majlis Pra Peluncuran MAHA 2024 di MAEPS hari ini. - *Gambar BERNAMA*

SERDANG: Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 pada Sept

depan akan menjadi medan perkongsian teknologi pertanian peringkat global dengan sasaran kehadiran tiga juta pengunjung.

MAHA 2024 yang akan berlangsung di Taman Expo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini pada 11 hingga 22 Sept ini memberi penekanan kepada elemen seperti daya tahan sektor keterjaminan makanan serta menarik minat golongan muda dalam sektor pertanian.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Lokman Hakim Ali berkata dalam meraikan 100 tahun penganjuran, MAHA 2024 akan membawa masuk syarikat berteknologi tinggi seperti China dan Thailand untuk berkongsi teknologi dan kemahiran.

“Kita lihat penggunaan kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT) dan teknologi yang berproduktiviti tinggi akan menarik belia menceburi bidang pertanian.

“Kita lihat teknologi moden dalam pertanian seperti ‘smart farming’ merupakan satu cara kita meningkatkan produktiviti tanaman, menyumbang peningkatan hasil besar pertanian dan juga tahap sara diri di peringkat pertanian sama ada ternakan atau akuakultur,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan MAHA Fun Run 2024 dan sambutan karnival setahun jualan agro MADANI sempena majlis pra peluncuran MAHA 2024 di sini hari ini.

Lokman Hakim berkata MAHA 2024 menjanjikan sesuatu yang istimewa buat pemegang taruh industri pertanian serta orang ramai yang meminati sektor tersebut.

“Tahun ini tiga dewan (di MAEPS) telah penuh. Kita masih dapat permintaan daripada syarikat industri tempatan, kedutaan dan syarikat antarabangsa daripada negara ASEAN dan timur tengah untuk mereka bersama dalam *showcase* ini.

“(Mereka) ingin pamer keupayaan teknologi masing-masing dan ini perkembangan positif dan memberi manfaat tinggi kepada pemegang taruh industri dalam bidang pertanian,” katanya.

Beliau berkata pihaknya turut memperkasa aktiviti mempromosi MAHA 2024 kepada kumpulan sasar antaranya menerusi program seperti MAHA Fun Run 2024 hari ini dengan kehadiran lebih 1,000 peserta.

Sementara itu seorang peserta pagi ini Mohd Jolharry Abdul Razak, 37, berkata beliau amat menantikan penganjuran MAHA 2024 kerana ia dijangka lebih meriah dengan pameran teknologi terkini dalam bidang pertanian.

“MAHA 2024 kali ini saya lebih teruja untuk lihat sendiri agriculture yang lebih hebat selari Revolusi Industri (IR 4.0),” katanya selepas menyertai MAHA Fun Run 2024.

Bagi Nik Nur Zamzaharah Nik Sin, 42, pula penganjuran MAHA 2024 membuka peluang kepada rakyat Malaysia mengenali produk pertanian tempatan dengan lebih dekat selain ia membuka peluang perniagaan.

“Saya jangka MAHA 2024 kali ini lebih meriah, ia diadakan lepas pandemik COVID-19... dahulu keadirannya terhad dan sekarang semua boleh hadir,” katanya.

MAHA diperkenalkan sejak 1923. MAHA 2022 sebelum ini merekodkan kehadiran lebih 1 juta pengunjung dengan 33 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) bernilai RM5.64 bilion ditandatangani. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAHA 2024: Medan perkongsian teknologi pertanian, sasar tiga juta pengunjung



Lokman Hakim (tengah) merasmikan Karnival Sambutan Setahun Program Jualan Agro Madani dan Road To MAHA Fun Run 2024 sempena Peluncuran MAHA 2024 yang diadakan di Tapak Pasar Tani MAEPS, Serdang pada Ahad. Foto Sinar Harian-ROSLI TALIB

SERDANG - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 menyasarkan seramai tiga juta pengunjung

sepasang penganjurannya bermula 11 September hingga 22 September depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Lokman Hakim Ali berkata, pameran yang akan berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) itu akan memberi penekanan kepada elemen yang mengangkat acara dwi tahunan tersebut ke peringkat antarabangsa.



Lokman Hakim (tengah) merasmikan Karnival Sambutan Setahun Program Jualan Agro Madani dan Road To MAHA Fun Run 2024 sempena Peluncuran MAHA 2024 yang diadakan di Tapak Pasar Tani MAEPS, Serdang pada Ahad. Foto Sinar Harian-ROSLI TALIB

Menurut beliau, fokus tersebut bagi meraikan 100 tahun penganjuran pameran pertanian terbesar itu dengan menjadikannya medan perkongsian teknologi pertanian peringkat global.

"Kita lihat penggunaan kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT) dan teknologi yang berproduktiviti tinggi akan menarik golongan belia menceburi bidang pertanian.

"Kita lihat teknologi moden dalam pertanian seperti 'smart farming' merupakan satu cara meningkatkan produktiviti tanaman, menyumbang peningkatan hasil besar pertanian dan tahap sara diri di peringkat pertanian, sama ada ternakan atau akuakultur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas acara 'Road to MAHA Fun Run 2024' di Karnival Setahun Jualan Agro Madani sempena Majlis Pra Peluncuran MAHA 2024 pada Ahad.

MAHA 2022 merekodkan seramai 1.18 juta pengunjung secara fizikal manakala lebih 272,000 pengunjung atas talian dengan rekod jualan sebanyak RM260 juta.

Dalam pada itu, Lokman Hakim memaklumkan, lebih 180 pempamer dari luar negara telah mengesahkan penyertaan melibatkan beberapa negara seperti China, Singapura dan Thailand.

"Tahun ini tiga dewan (di MAEPS) telah penuh. Kita masih dapat permintaan daripada syarikat industri tempatan, kedutaan dan syarikat antarabangsa daripada negara ASEAN dan timur tengah untuk bersama dalam pameran ini.

"Mereka ingin pamer keupayaan teknologi masing-masing dan ini perkembangan positif kerana akan beri manfaat tinggi kepada pemegang taruh industri dalam bidang pertanian," jelasnya.



Lokman Hakim bergambar bersama peserta pada Karnival Sambutan Setahun Program Jualan Agro Madani dan Road To MAHA Fun Run 2024 sempena Peluncuran MAHA 2024 yang diadakan di Tapak Pasar Tani MAEPS, Serdang pada Ahad. Foto Sinar Harian-ROSLI TALIB

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2024	NST	ONLINE	

MAHA2024: Global agrocltural technology sharing platform, targets three million visitors



The Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro Tourism Exhibition (MAHA) 2024, scheduled for September, aims to serve as a global platform for sharing agricultural technology, targeting an attendance of three million visitors.

SERDANG: The Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro Tourism Exhibition (MAHA) 2024, scheduled for September, aims

to serve as a global platform for sharing agricultural technology, targeting an attendance of three million visitors.

MAHA 2024, which will be held at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) from September 11 to 22, will focus on elements such as the resilience of the food security sector and attracting youth interest in agriculture.

Agriculture and Food Security Ministry secretary-general, Datuk Lokman Hakim Ali said that in celebration of its 100th year, MAHA 2024 will bring in high-tech companies from countries like China and Thailand to share their technology and expertise.

"We see that the use of artificial intelligence (AI), the Internet of Things (IoT), and high-productivity technology will attract young people to venture into agriculture.

"We see modern agricultural technology such as 'smart farming' as a way to increase crop productivity, contribute to substantial agricultural yields, and achieve self-sufficiency in agriculture, whether in livestock or aquaculture," he said.

He told this to reporters after launching the MAHA Fun Run 2024 and the carnival celebrating the year-long MADANI agro sales in conjunction with the pre-launch of MAHA 2024 here today.

Lokman Hakim said that MAHA 2024 promises something special for agriculture industry stakeholders and enthusiasts.

"This year, three halls at MAEPS are already full. We continue to receive requests from local industry companies, embassies and international companies from ASEAN countries and the Middle East to participate in this showcase.

"(They) want to showcase their technological capabilities, which is a positive development and highly beneficial for industry stakeholders in agriculture," he said.

He added that efforts to promote MAHA 2024 to target groups are being strengthened, including programmes like today's MAHA Fun Run 2024, which saw the participation of over 1,000 participants.

Meanwhile, a participant, Mohd Jolharry Abdul Razak, 37, said he is eagerly anticipating MAHA 2024 as it is expected to be more vibrant with the latest technology exhibits in agriculture.

"This time, I'm more excited to see the advanced agriculture in line with the Fourth Industrial Revolution (IR 4.0)," he said after participating in the MAHA Fun Run 2024.

For Nik Nur Zamzaharah Nik Sin, 42, MAHA 2024 offers Malaysians the opportunity to get to know local agricultural products better and opens up business opportunities.

"I expect MAHA 2024 to be more lively as it is held after the COVID-19 pandemic... previously, attendance was limited, and now everyone can attend," she said.

MAHA has been introduced since 1923. MAHA 2022 previously recorded an attendance of over one million visitors, with 33 Memorandums of Understanding (MoUs) and Memorandums of Agreement (MoAs) worth RM5.64 billion signed.

MAHA 2024 sasar 3 juta pengunjung

Medan perkongsian
teknologi pertanian
peringkat global

Oleh **DIANA AZIS**
SERDANG

Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 menyasarkan seramai tiga juta pengunjung sepanjang pengunjurannya bermula 11 hingga 22 September depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Lokman Hakim Ali berkata, pameran yang akan berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) itu akan memberi penekanan kepada elemen yang mengangkat acara dwi tahunan tersebut ke peringkat antarabangsa.

Menurut beliau, fokus tersebut bagi merayakan 100 tahun pengunjuran pameran pertanian terbesar itu dengan menjadikannya medan perkongsian tekno-

logi pertanian peringkat global.

"Kita lihat penggunaan kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT) dan teknologi produktiviti tinggi akan menarik golongan belia menceburi bidang pertanian."

"Teknologi moden seperti 'smart farming' merupakan satu cara meningkatkan produktiviti tanaman, menyumbang peningkatan hasil besar pertanian dan tahap sara diri sama ada ternakan atau akuakultur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas acara 'Road to MAHA Fun Run 2024' di Karnival Setahun Jualan Agro Madani sempena Majlis Pra Peluncuran MAHA 2024 pada Ahad.

MAHA 2022 merekodkan seramai 1.18 juta pengunjung secara fizikal manakala lebih 272,000 pengunjung atas talian dengan rekod jualan sebanyak RM260 juta.

Dalam pada itu, Lokman Hakim memaklumkan, lebih 180 pempamer dari luar negara telah mengesahkan penyertaan melibatkan beberapa negara seperti China, Singapura dan Thailand.

"Tahun ini tiga dewan (di MAEPS) telah penuh. Kita masih dapat permintaan daripada syarikat industri tempatan, kedutaan dan syarikat antarabangsa



Lokman Hakim bergambar bersama para peserta pada Karnival Sambutan Setahun Program Jualan Agro Madani dan Road To MAHA Fun Run 2024 sempena Peluncuran MAHA 2024 di Tapak Pasar Tani MAEPS, Serdang, pada Ahad.

daripada negara ASEAN dan timur tengah untuk bersama dalam pameran ini.

"Mereka ingin pamer keupayaan teknologi masing-masing dan ini perkembangan positif kerana akan beri manfaat tinggi kepada pemegang taruh industri dalam bidang pertanian," jelasnya. Sementara itu, beliau berkata, Majlis

Peluncuran MAHA 2024 dilakukan selama dua hari melibatkan pengunjuran karnival tersebut, Mini Rhythym of The Farmers dan acara larian.

Majlis peluncuran MAHA 2024 akan dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Pendaftaran Budi Individu, Agri-Komoditi cecah 60,000

KLANG - Hampir 60,000 pendaftaran Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) membabitkan kategori Individu (Budi Individu) dan Agri-Komoditi diterima sejak dibuka 28 Mei lalu.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, daripada jumlah itu sebanyak 30,000 permohonan telah diluluskan setakat 3 Jun dan bakal menerima subsidi bulanan RM200 ke dalam akaun mereka, Isnin depan.

Menurutnya, pemilik kenderaan diesel yang memenuhi kriteria digalakkan membuat permohonan dan pendaftaran dibuka secara berterusan dengan anggaran 300,000 orang layak menerima manfaat tersebut.

"Budi Individu terbuka kepada mereka yang pendapatan tahunan kurang RM100,000, bermakna gaji sebulan RM8,000 layak dapat bantuan kerana subsidi ini membabitkan penyalaraan menyeluruh."

"Program ini hanya untuk warganegara Malaysia. Ada kriteria bukan untuk kenderaan mewah, namun jika yang sudah berusia 10 tahun, ada diberikan kelonggaran juga," katanya.

Beliau berkata demikian pada Hari Terbuka Agri-Komoditi yang turut dihadiri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu di MARDI Klang pada Sabtu.

Pada program itu, Amir Hamzah dan Mohamad meluangkan masa hampir



Mohamad (kanan) dan Amir Hamzah (kiri) mengadakan lawatan di Projek De Lettuce Bear Marketing ketika menyertai Hari Terbuka Agri-Komoditi di MARDI Klang, pada Sabtu.

dua jam melakukan sesi libat urus dengan 150 petani dan pekebun kecil sekitar daerah Klang.

Budi Madani merupakan usaha kerajaan memastikan peruntukan subsidi diesel disasarkan kepada golongan yang layak.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah ber-

kata, sesi libat urus akan diteruskan bagi membuka sesi soal jawab dan penjelasan untuk orang awam lebih memahami tujuan penyalaraan subsidi dilakukan oleh kerajaan.

"Banyak ketirisan diesel berlaku menyebabkan peruntukan subsidi bagi tujuan itu pergi ke tempat lain atau sek-

tor yang tidak berhak.

"Hasil penerangan tersebut, semua setuju penyalaraan diesel perlu dilakukan bagi mengelak kerugian wang rakyat secara berterusan."

"Cuma ada sesetengah pihak tidak tahu cara permohonan, jadi sesi libat urus ini kita adakan sesi soal jawab dan terangkan beberapa cara serta kategori yang boleh dibuat permohonan," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata, sesi penerangan itu penting bagi merungkai kekeliruan memandangkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan banyak terlibat dalam penyalaraan subsidi diesel.

"Kekeliruan di peringkat awal adalah perkara biasa kerana ada sesetengah pekebun kecil kurang faham cara permohonan dan prosedurnya."

"Namun saya yakin, permasalahan itu mampu diselesaikan dalam sebulan dua ini dan akan menjadi lancar serta stabil dalam masa terdekat," katanya.

Pada masa sama, beliau memberitahu, pihaknya memberi jaminan semua petani dan pekebun kecil yang menggunakan kenderaan berkaitan pertanian layak menerima subsidi bersasar di bawah Budi Agri-Komoditi.

"Mereka yang terlibat dengan pertanian termasuk menggunakan lori untuk bawa padi ke kilang dan kenderaan lain yang membawa ikan serta hasil pertanian, semuanya akan dapat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2024	THE SUN	NATIONAL	4

Maha exhibition 2024 targets three million visitors

SERDANG: The Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro Tourism Exhibition (Maha) 2024 scheduled for September aims to serve as a global platform for sharing agricultural technology, targeting an attendance of three million visitors.

Maha 2024, which will be held at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (Maeps) from Sept 11 to Sept 22, will focus on elements such as the resilience of the food security sector and attracting youth interest in agriculture.

Agriculture and Food Security Ministry secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali said in celebration of its 100th year Maha 2024 will bring in high-tech companies from countries such as China and Thailand to share their technology and expertise.

"We see that the use of artificial intelligence, the internet of things and high-productivity technology will attract young people to venture into agriculture.

"We see modern agricultural technology such as 'smart farming' as a way to increase crop productivity, contribute to substantial agricultural yields and achieve self-sufficiency in agriculture, whether in livestock or aquaculture," he said at the Maha Fun Run 2024 and carnival celebrating the year-long Madani agro sales in conjunction with the pre-launch of Maha 2024 yesterday.

Lokman Hakim said Maha 2024 promises something special for agriculture industry stakeholders and enthusiasts.

"This year, three halls at Maeps are already full. We continue to receive requests from local industry companies, embassies and international companies from Asean countries and the Middle East to participate in this showcase.

"(They) want to showcase their technological capabilities, which is a positive development and highly beneficial for industry stakeholders in agriculture," he said.

He added that efforts to promote Maha 2024 to target groups are being strengthened, including programmes such as the Maha Fun Run 2024, which saw the participation of over 1,000 participants. — Bernama

10/6/2024

NST

NEWS

7

ADDRESSING COUNTRY'S NEEDS

UPM launches Food Security Blueprint

SERDANG: The Food Security Blueprint launched at Universiti Putra Malaysia (UPM) aims to benefit all parties by strengthening the nation's agricultural industry.

Vice-Chancellor Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah said this demonstrates the university's role in benefiting society.

He said the Food Security Blueprint at UPM was launched as a point of reference not only for academics but also for various levels of assistance in addressing food security issues.

"Half a year ago, we examined the entire food security ecosystem and identified many issues, such as water shortages, lack of machinery, and technology.

"As a university with diverse expertise, it would be a missed opportunity if we didn't synergise efforts to address these issues.

"So, this blueprint aims to remind all members of the university community of their role in addressing food security issues," he told re-

porters after the launch of the Food Security Blueprint at UPM here on Friday.

The launch was officiated by Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu and attended by Higher Education Minister Datuk Seri Zambry Abd Kadir and Higher Education Director-General, Professor Dr Azlinda Azman.

Ahmad Farhan said UPM is committed to ensuring that university efforts are respected and acknowledged for their contribution to the country, the world and human civilisation.

"We want to ensure that UPM's research truly addresses the country's needs.

"Therefore, when research is completed, its results are eagerly awaited because, hopefully, they can be taken to the next level to help solve the country's problems."

In terms of talent, he said the blueprint would ensure the availability of suitable talents.



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (third from left) and Higher Education Minister Datuk Seri Zambry Abd Kadir launching the Food Security Blueprint. Looking on are UPM Vice-Chancellor Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah (left) and Higher Education Director-General Professor Dr Azlinda Azman. PIC BY ROHANIS SHUKRI

more, we hope that our students will eventually become a force for good in this effort," he said.

Ahmad Farhan said a Higher Education Institution Food Security Nexus would be established, involving both public and private institutions.

He said this Nexus represents a collaborative effort to strengthen the contribution of higher education institutions to food security, util-

ising UPM's Food Security Blueprint as a guide for implementation.

"We will come together in a nexus led by UPM to translate the blueprint into reality, ensuring proper implementation and, importantly, yielding results.

"God willing, we will continue to collaborate with the ministry to further support its efforts in the food security blueprint," he said.

10/6/2024

BERITA

NASIONAL

5

HARIAN

Cadang harga beras 10kg dinaikkan kepada RM28.50

Kenaikan 25 sen sekilogram beri peluang pemborong 'bernafas', kadar baharu tidak menekan pengguna

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pihak berkepentingan yang terlibat dalam industri beras negara, menyaran kan harga beras putih tempatan yang ketika ini dikawal kerajaan RM2.60 sekilogram atau RM26 bagi kampak 10 kilogram (kg), dinaikkan secara minimum 25 sen bagi setiap kilogram.

Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (BARIM), Ismail Awang, berkata penelapan harga baharu kepada RM2.85 bagi setiap kilogram beras atau RM28.50 bagi kampak 10kg dilihat sebagai penyelesaian terbaik bagi memberi peluang kepada pemborong 'bernafas', selain kadar kenaikan tidak menekan pengguna.

Ismail yakin sedikit kenaikan harga siling beras mampu membantu memulihkan bekalan BPT dalam pasaran yang masih bermasalah ketika ini.

"Harga siling beras putih tempatan boleh dinaikkan RM2.50 kepada RM28.50 bagi 10 kilogram (kg) kampak beras, berbanding RM26 kini.

"Jika dikekalkan pada kadar RM26 ketika ini, ia membebankan kerana kos operasi kilang



Keratan akhbar BH, kelmari.

mengenal cadangan menaikkan harga siling beras putih tempatan dan keputusan itu dijangka dibuat sedikit masa lagi.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, dilaporkan berkata setakat ini, pihaknya belum boleh memberikan sebarang ketetapan mengenai perkara itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Saravanan Thambirajah, sebelum ini turut mengesyorkan harga siling beras yang wajar adalah dalam lingkungan RM2.80 hingga RM3 sekilogram.

Pada masa sama, Ismail berkata, jika berlaku kenaikan harga, pemborong dapat memiliki margin keuntungan untuk terus beroperasi.

Beliau berkata, pihaknya yakin kenaikan kadar minimum itu dapat difahami pengguna, berikutan sudah lebih 15 tahun harga siling beras putih tempatan tidak disemak kerajaan berbanding kebanyakan barangan keperluan dan perkhidmatan lain.



Sudah lebih 15 tahun harga siling beras putih tempatan tidak disemak kerajaan. (Foto hiasan)

Jika dikekalkan pada kadar RM26 ketika ini, ia membebankan kerana kos operasi kilang pengamplit sudah meningkat disebabkan harga plastik dan caj pengangkutan mengambil beras dari gudang BERNAS atau kilang swasta sudah naik



Ismail Awang, Presiden BARIM

Apabila harga beras putih tempatan diapungkan, ia memperkemarkan rantaian bekalan beras negara dan menangani isu kekurangan beras tempatan



M Nasir Shamsudin, Pakar pertanian

pelaksanaan bantuan tunai subsidi bersasar boleh diaktifkan.

"Jika harga melambung tinggi dan melebihi nilai ambong, subsidi tunai boleh diberikan kepada golongan sasar seperti dilaksanakan melalui BUDI MADANI terhadap bantuan diesel.

"Apabila harga beras putih tempatan kembali pulih, bantuan subsidi tidak perlu diteruskan, sebaliknya hanya diaktifkan ketika harga melebihi nilai ambong," katanya.

Beribu ikan bandaraya ditangkap dalam masa 3 jam

BANGI - Operasi memburu ikan asing di denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat di sini selama tiga jam merekodkan hampir 1 tan spesies invasif iaitu ikan bandaraya berjaya ditangkap pada Ahad.

Operasi bermula jam 8 pagi itu melibatkan Jabatan Perikanan Malaysia, Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Syarikat Air Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor.

Pengarah Jabatan Perikanan Selangor Noraisyah Abu Bakar berkata, aktiviti itu diteruskan menerusi Program Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat siri II dengan memfokuskan aktiviti mem-

buru ikan asing mengekang kebanjiran ikan asing invasif yang menjejaskan spesies ikan asli dalam perairan negara.

"Sehingga jam 11 pagi, tangkapan menggunakan kaedah menjala ini telah mengumpul 737 kilogram ikan bandaraya iaitu sebanyak 1,890 ekor.

"Purata berat bagi setiap ekor ialah 600 gram dan ini adalah saiz yang sangat membimbangkan apabila berada di dalam sungai kita," katanya kepada pemberita pada Ahad.

Dalam program itu, turut diadakan aktiviti pelepasan 10,000 benih ikan lampam sungai ke Sungai Langat.

"Pihak jabatan turut menyumbang jala tangsi, penimbang gantung dan sarung tangan kepada KPIB bagi kegunaan semasa memburu ikan asing," katanya.



Antara ikan bandaraya yang ditangkap ketika Program Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat siri II di denai Sungai Kebangsaan, Bangi pada Ahad.

Ikan bandaraya boleh dijadikan palet makanan

Bangi: Ikan bandaraya atau *Hypostomus plecostomus* menjadi spesies invasif paling dominan di sekitar sungai di Lembah Klang kerana sifatnya yang sukar dimusnahkan.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izham Hashim, berkata hampir semua sungai di Lembah Klang termasuk tasik dan lombong kini terjejas dengan kehadiran spesies itu termasuk Sungai Klang, Sungai Langat dan Sungai Selangor.

Beliau berkata, ikan ini pada asalnya diternak dalam akuarium untuk membersihkan kotoran tetapi apabila menjadi besar ia dilepaskan ke dalam sungai.

"Memang dia lepaskan seekor, tapi kalau ribuan orang yang berbuat seperti itu, ia jadi banyak dan cepat membiak. Memang kita hadapi masalah sangat besar."

"Ikan ini akan menebuk lubang di tepi tebing sungai untuk bertelur dan sebagainya menyebabkan tebing sungai terhakisan dan runtuh," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat-Memburu Ikan Asing Bersama Komuniti di Denai Sungai Kebangsaan, semalam.



Izham (tengah) melihat ikan bandaraya yang berjaya ditangkap pada Program Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat-Memburu Ikan Asing Bersama Komuniti di Denai Sungai Kebangsaan, di Bangi, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar dan Pengasas Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya, Mohamad Haziq A Rahman.

Pada program bermula jam 7 sehingga 11.30 pagi itu, 737 kilogram (kg) ikan bandaraya berjaya ditangkap.

Menerusi program itu juga 10,000 benih ikan lampam dile-

paskan ke Sungai Langat. Izham berkata, kerajaan kini dalam perancangan membantu dari segi tempat pemprosesan ikan itu selepas ia ditangkap untuk dibuat palet.

"Mungkin kita boleh sediakan tempat lebih tetap untuk proses (ikan ditangkap). Kita tangkap, proses, hancurkan dan dibuat makanan ikan."

"Kita buat palet untuk dijual dan harganya 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran makanan ikan. Ini satu petanda baik yang boleh dijadikan sumber untuk alternatif."

"Kita juga akan beri insentif kepada mereka yang menghan-tar ikan itu. Kita sedang tengok semua ini," katanya.

Ditanya aspek penguatkuasa-an, Izham berkata, pihaknya kini sedang dalam proses pemurnian undang-undang.

"Ia sudah dibawa ke mesyuarat EXCO dan sedang dilihat oleh kamar undang-undang. Tahun ini juga kita akan selesaikan."

"Isu ini juga membabitkan pelesenan tempat ternakan ikan seperti bagaimana pelepasan da-lam sungai," katanya.

Move to keep invasive fish at bay

Selangor mulls paying to remove catfish which disrupt local ecosystems

By MEGAT SYAHAR
megatsyahar@thestar.com.my

THE Suckermouth catfish, native to South America and known locally as *ikan bandaraya*, may soon have a bounty on their heads.

Selangor infrastructure and agriculture committee chairman Izham Hashim said the invasive catfish was disrupting the ecosystems, affecting local fish and causing erosion of riverbanks.

The state government is considering incentivising the capture of the fish from rivers, he said.

"This is because of their rapid breeding rates which led to their widespread presence across the Klang Valley including in Sungai Klang, Sungai Selangor and possibly Sungai Bernam.

"We need to streamline it (campaign) at the state level.

"We are educating the people and aim to make them aware of

the condition of our rivers," he said during a local fish conservation programme at Denai Sungai Langat in Bangi, Selangor.

He also said that state was reviewing river fishing methods and aquaculture practices to ensure fishery sustainability.

"The revision will help the Selangor Fisheries Department to efficiently monitor the entry of foreign fish into local waters."

The programme involved the removal of non-native fish species where about 2,000 Suckermouth catfish, weighing over 700kg, were caught in Sungai Langat.

"The average weight for each fish is 600g. The size is of great concern," said Izham.

The catfish, he said, could be processed into pellets and sold as fish feed.

Izham said the fish, with its armour-like skin and sharp fins, were usually kept in aquariums



Izham (in black) looking at the Suckermouth catfish fished out from the river. — CHAN TAK KONG/The Star

to feed on algae and keep tanks clean.

"Once they grow larger, fish owners release them.

"If thousands are kept and then released, they can disrupt our ecosystem," said Izham.

Some 116 volunteers from Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya attended the event, a collaboration of state Fisheries Department, state Drainage and Irrigation Department, Universiti Kebangsaan Malaysia,

Universiti Teknologi Mara, Civil Defence Force, Lembaga Urus Air Selangor and Air Selangor.

During the event 10,000 *ikan lampam* (Tinfoil barb) fish fry were released into the river.

Didik generasi baharu
tradisi pertanian padi

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SABAK BERNAM

Pemandangan sawah menghijau terbentang luas dengan perkampungan di tengah bendang pastinya memukau pengunjung terutama bagi mereka yang kali pertama berkunjung ke Sekinchan.

Di sebalik lambaian pokok padi yang tumbuh menghijau, masih ramai tidak mengetahui tradisi penanaman padi.

Menyedari hakikat itu, Pengarah Urusan PLS Marketing, Allen Lim, mengambil inisiatif membina Muzium Padi Sekinchan di kawasan seluas 200x30 kaki persegi di Kilang beras, PLS Marketing (M) Sdn Bhd (PLS Marketing).

Muzium yang terletak kira-kira 2.5 kilometer dari Pekan Sekinchan itu memberi pengalaman kepada generasi baharu selain menggamit nostalgia buat mereka yang pernah melalui zaman penanaman padi secara tradisional.

Menurut Allen, dia tidak mahu generasi masa kini melupakan kehidupan masyarakat dahulu yang menghasilkan beras.

"Saya mahu generasi muda terutama mereka yang tinggal di bandar tahu bagaimana padi ini diproses untuk dijadikan beras."

"Pengunjung yang singgah di Sekinchan sudah tentu teruja melihat pemandangan sawah padi yang mendominasi, namun di sebalik keindahan itu, mereka juga mesti tahu proses dan peralatan digunakan sejak tanam padi diperkenalkan di negara ini," kata beliau.

Menurutnya, pembukaan muzium padi ini bermula beroperasi pada 2012 itu membolehkan orang ramai mengenali dengan lebih dekat pelbagai jenis barangan dan peralatan lama berkaitan kegiatan penanaman padi.

"Setiap barangan yang terdapat dalam muzium ini mempunyai pengertian tersendiri sama ada dari sudut sejarah, fungsi atau usianya."



Allen (kanan) mengiringi Al-Sultan Abdullah (kiri) semasa lawatan baginda ke Muzium Padi Sekinchan pada 5 Januari lalu.

Destinasi Sinar

"Kita berharap pengunjung dapat menghayati kaedah serta kaitannya dengan kehidupan masa lalu mengenai industri makanan utama negara iaitu nasi yang dihasilkan melalui penanaman padi," jelasnya.

Teknologi padi

Allen memberitahu, terdapat lebih 50 artifak berkaitan penanaman serta pemrosesan padi berusia lebih 60 tahun di muzium itu.

"Antara artifak lama yang ada di muzium ini ialah kipas padi yang digunakan

untuk memisahkan padi berisi dan hampa."

"Di dinding muzium ini juga, pengunjung dapat melihat proses penanaman padi, kaedah penanaman secara tradisional dan teknologi moden serta jenis varieti padi sah digunakan sejak 1964."

Terdapat juga barangan antik masyarakat Melayu dan Cina yang tinggal di kawasan sawah satu masa dulu untuk tatapan generasi kini," katanya.

Selain itu katanya, pengunjung turut diberikan penerangan dan taklimat mengenai pembangunan dan

teknologi penanaman padi.

"Pengunjung akan diberi penerangan tentang proses pertanian padi, pelbagai jenis padi, peralatan dan alat yang digunakan dalam penanaman padi sepanjang zaman," jelas Allen.

Dapat beras percuma

Tambah beliau, kebiasaannya pengunjung menghabiskan masa melawat muzium itu selama 30 minit dan pihaknya turut berbesar hati memberi cenderamata beras seberat 280 gram.

"Selepas melawat muzium, pengunjung akan terus ke pusat jualan beras. Mereka boleh membeli pelbagai jenis beras yang ditawarkan," katanya.

Allen berkata, muzium di tingkat dua bangunan PLS itu dilengkapi penyaman udara bagi mewujudkan suasana tenang dan damai selain selesa.

"Muzium ini mampu memuatkan seramai 50 pengunjung dalam satu masa dan mereka diberikan taklimat semasa berada di dalamnya," tambah beliau.

Katanya, pada masa ini, muzium itu bukan sahaja menarik pengunjung tempatan, malah menjadi tumpuan pelancong asing.

Rata-rata pengunjung yang singgah di Muzium itu terdiri daripada pelancong dari Arab Saudi, China, Taiwan, Jepun, Korea Selatan dan negara Eropah lain.

Muzium itu juga pernah dilawati oleh Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah; Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

"Muzium ini menerima kedatangan pengunjung yang ramai iaitu antara 1,000 hingga 2,000 orang terutama pada hujung minggu dan cuti persekolahan," jelasnya.

Muzium tersebut dibuka setiap hari dari jam 9 pagi hingga 5 petang dan harga tiket masuk masuk yang dikenakan ialah RM5 seorang.

Haaa...nak bagi tahu,
ada sesuatu yang
MENARIK
menanti anda
Julai ini!

Karnival Rakyat



Kipas padi yang digunakan untuk memisahkan isi padi dan hampa antara yang dipamerkan kepada pengunjung.



Gambaran sebuah kedai Cina lama yang menjual biskut dan gula-gula antara tarikan di Muzium Padi Sekinchan.